



## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MENTERI-MENTERI DIGITAL ASEAN YANG PERTAMA BAKAL DIANJUR PADA 21-22 JANUARI 2021

**PUTRAJAYA, 14 DISEMBER 2020** – YB Dato’ Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia akan mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Digital ASEAN Yang Pertama (1<sup>st</sup> ASEAN Digital Ministers’ Meeting – ADGM1) secara tele-sidang dari 21 hingga 22 Januari 2021, bertemakan ‘ASEAN: A Digitally Connected Community’.

Mesyuarat ini bertujuan untuk memantapkan jalinan kerjasama negara-negara ASEAN ke arah pembangunan ekosistem digital sebagai tunjang dalam rancangan pembangunan pasca COVID-19. Penekanan diberikan terhadap memperkuatkkan kepentingan pemusat dan kesatuan dalam usaha membangunkan komuniti ASEAN dalam bidang keselamatan siber, perlindungan data peribadi, 5G, mempromosi inovasi dan e-dagang.

Mesyuarat ini juga akan mengambil peluang untuk memperluaskan kerjasama dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN (Jepun, China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Korea Selatan, India serta ITU) dalam meningkatkan kebijakan ICT, mengembangkan sumber daya manusia, meneroka dan menjelajahi teknologi baharu, dan meningkatkan kemampuan untuk menangani risiko di alam siber.

Menyedari kepentingan kepercayaan (trust) terhadap transaksi yang dilakukan secara elektronik merupakan asas utama bagi menggalakkan masyarakat untuk mengadopsi transformasi digital, inisiatif Kerangka Tadbir Urus Data Digital ASEAN (ASEAN Digital Data Governance Framework) telah dibangunkan bagi merangka tatacara pentadbiran serta kaedah perpindahan data di antara negara-negara ASEAN.

Selain itu, mesyuarat pada kali ini juga akan memberi tumpuan terhadap pembangunan rangkaian 5G di negara-negara ASEAN agar manfaat daripada teknologi tersebut dapat dinikmati bersama, melalui projek *Development of Policy Recommendations for 5G Ecosystem Development*.

Dalam masa yang sama, mesyuarat ini juga menjadi forum bagi pertukaran pandangan dan dasar berkaitan penggunaan spektrum bagi tujuan telekomunikasi serta perkara-perkara berkaitan industri telekomunikasi di rantau Asia Tenggara.

ADGMIN1 juga berhasrat untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada sektor swasta untuk bersama-sama mengembangkan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang berkualiti bagi meningkatkan daya saing ASEAN untuk mendukung matlamat Komuniti ASEAN.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

**LOGO MESYUARAT MENTERI-MENTERI DIGITAL ASEAN YANG PERTAMA  
(1<sup>ST</sup> ASEAN DIGITAL MINISTERS' MEETING - ADGMIN1)**



**RASIONAL LOGO ADGMIN1**

Bunga Raya yang merupakan bunga kebangsaan dipilih bersempena pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah bagi ADGMIN1.

Jalinan 10 bendera negara-negara anggota yang mengelilingi logo rasmi ASEAN, dan bergabung membentuk kelopak Bunga Raya melambangkan kesalinghubungan digital yang mampan, dan kerjasama dalam Komunikasi serta Teknologi Maklumat di antara negara anggota, dan antara ASEAN bersama Rakan Dialog serta Rakan Pembangunan, dalam suasana yang harmoni.

Beberapa stigma di penghujung pistil mewakili bidang kerjasama ICT yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, pembangunan modal insan, merapatkan jurang digital, transformasi ekonomi, inovasi dan pemberdayaan serta penglibatan keseluruhan rakyat di dalam komuniti ASEAN.